

UMP anugerahkan Tokoh Industri 2018 kepada Dr. Hari Narayanan

UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) 29 MAC 2018 (JAMIS) NIS: 33

KUANTAN 28 Mac - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganugerahkan Tokoh Industri 2018 kepada Pengarah Urusan Motorola Solutions Malaysia Sdn. Bhd., Dr. Hari Narayanan atas sumbangan dan komitmen berterusan beliau terhadap kecermerlangan universiti itu.

Dr. Hari dilantik sebagai Profesor Adjung di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik UMP sejak 2015 turut menjayakan program CEO@Faculty yang dilaksanakan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melibatkan tokoh-tokoh korporat daripada syarikat milik kerajaan (GLC), industri dan pegawai tertinggi dalam perkhidmatan awam.

Naib Canselor UMP, Datuk Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program CEO@Faculty memberi peluang pemimpin industri berkongsi pengalaman dengan mahasiswa dalam universiti sebagai pensyarah tamu atau mengadakan pertemuan dan perbincangan berkaitan pembelajaran



DAING NASIR IBRAHIM (lapan dari kanan) bersama Dr. Hari Narayanan (tujuh dari kanan) bergambar dalam Program CEO@Faculty Programme bertajuk *Industry 4.0- Manufacturing and Products/Solutions Perspectives* di UMP Pekan, Pahang, semalam.

serta pembangunan projek.

"Pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran ini meningkatkan pengetahuan serta pengumpulan maklumat melalui

interaksi mereka dengan tokoh utama dalam industri.

"Ia memberi pengalaman yang sangat bernilai bukan sahaja dalam dewan kuliah malah

apabila berdepan suasana industri sebenar," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Daing Nasir berkata, usaha yang dilakukan itu pastinya se-

lari dengan hasrat universiti dalam melonjakkan pencapaian Pelan Strategik UMP 2016-2020 dalam aspek keunggulan akademik.